

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2023**TINGKATAN 4****PRINSIP PERAKAUNAN****Kertas 2****Disember**

2 jam 30 minit

Bahagian Maklumat Soalan**3756/2**3
7
5
6
2**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Bahagian maklumat soalan kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. **Tunjukkan kerja mengira.** *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
3. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
4. **Bahagian ruangan jawapan dan bahagian maklumat soalan kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan secara berasingan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.**

AMARAN

Kandungan kertas peperiksaan ini tidak boleh disalin atau dikeluarkan dengan apa cara sekalipun.

© 2023 Hak Cipta RedoxHam

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A
[60 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 (a) Pernyataan berikut merujuk kepada urus niaga yang berlaku di dalam Kedai Runcit Sani.

Sani telah membawa keluar wang tunai sebanyak RM 250 untuk membiayai yuran persekolahan anaknya dan merekodkan urus niaga tersebut sebagai ambilan tunai.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah andaian perakaunan yang dipatuhi oleh Kedai Runcit Sani? [1 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Sukan Saleha.

Puan Saleha telah membeli barang niaga melalui invoice dengan harga RM 1 560 daripada Pembekal Sukan Ali dengan diskaun niaga sebanyak 25% pada 12 November 2022.

Diskaun tunai:
10% 10 hari, 5% 15 hari

Sekiranya Puan Saleha membayar Pembekal Sukan Ali pada tarikh 20 November 2022, berapakah amaun bayaran yang perlu dijelaskan? [3 markah]

- (c) Perniagaan Aminah merupakan suatu perniagaan yang menjual pakaian batik. Beliau telah mendapati kain batik bernilai RM 230 daripada Pembekal Kain Batik Kulai telah rosak dan lusuh.
- (i) Berdasarkan pernyataan di atas, apakah dokumen yang perlu dihantar oleh Perniagaan Aminah? [1 markah]
- (ii) Sediakan catatan jurnal untuk urus niaga di atas. [2 markah]
- (d) Apakah fungsi sistem Panjar semasa merekod Buku Tunai Runcit di dalam perniagaan? [3 markah]

- (e) Nyatakan sama ada pernyataan di bawah ialah **BENAR** atau **PALSU**. (5 markah)
- i) Peruntukan hutang ragu akan diletakkan di sebelah kredit Akaun Kawalan Belum Terima.
 - ii) Apabila merekod aset, sebarang urus niaga yang mengurangkan nilai aset perlu direkod di sebelah kredit.
 - iii) Perkongsian merupakan perniagaan yang mempunyai ciri liabiliti tidak terhad.
 - iv) K. & K di K berfungsi sebagai pihak penjual boleh membetulkan sebarang kesilapan dan ketinggalan dengan menggunakan nota debit atau nota kredit.
 - v) Pelabur merupakan pengguna dalaman penyata kewangan.

- 2 Perniagaan Kamala Khan merupakan perniagaan pakaian India yang telah bertapak di Alor Setar, Kedah. Berikut merupakan baki-baki perniagaan pada 31 Oktober 2022.

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 September 2021		141 910
Tunai	1 360	
Bank	49 700	
Belian dan Jualan	64 200	123 160
Premis (kos)	130 000	
Pulangan	200	490
Hutang Lapuk Terpulih		1 320
Angkutan Masuk	980	
Faedah atas Pinjaman	1 500	
Diskaun	460	
Belanja alat tulis	640	
Inventori awal	24 920	
Gaji	14 400	
Akaun Belum Terima	9 000	
Akaun Belum Bayar		13 300
Kadar Bayaran	1 960	
Peruntukan Hutang Ragu		600
Duti atas belian	1 060	
Kenderaan	20 500	
Promosi	280	
Ambilan	200	
Susut Nilai Berkumpul Premis		13 000
Susut Nilai Berkumpul Kenderaan		4 100
Pinjaman		27 000
Insurans	3 520	
	324 880	324 880

Maklumat Tambahan:

(i) Inventori pada 31 Oktober 2022:

Harga Pasaran	Harga Kos
RM 21 560	RM 23 200

- (ii) Peruntukan Hutang Ragu telah mengalami pengurangan bernilai RM 440.
- (iii) Gaji yang dibayar ialah sebanyak RM 1 250 secara bulanan.
- (iv) Barang niaga yang digunakan bernilai RM 290 adalah untuk tujuan promosi ke atas perniagaan dan perkara ini tidak direkod dalam mana-mana buku.
- (v) Amaun insurans yang ditunjukkan dalam Imbangan Duga ialah amaun yang telah dibayar oleh pemilik perniagaan. 25% daripada amaun tersebut telah dijadikan sebagai belanja prabayar.
- (vi) Susut nilai Aset Bukan Semasa:
- Kenderaan 10% setahun atas kos
 - Premis 5% mengikut kaedah baki berkurangan
- (vii) Terdapat bil utiliti yang bernilai RM 190 yang belum dijelaskan.
- (viii) Amaun pinjaman asal ialah RM 45 000 yang diperolehi pada 1 September 2020 dan mempunyai kadar faedah sebanyak 6%. Tarikh bayaran balik yang dikenakan ke atas pinjaman adalah sehingga 31 Oktober 2025.

Anda dikehendaki:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir pada 31 Oktober 2022. (12 markah)
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Oktober 2022. (9 markah)

- 3 (a) Petikan Imbangan Duga di bawah merupakan baki yang diperoleh daripada Jude Enterprise pada 1 Januari 2022.

	RM
Bank	2 320
Akaun Belum Terima	4 200
Hutang Lapuk	100
Hutang Lapuk Terpulih	-

Maklumat Tambahan:

- (i) Seorang pelanggan telah disahkan meninggal dunia dan hutangnya sebanyak RM 250 telah dihapus kira sebagai hutang lapuk.
- (ii) Menerima sekeping cek daripada seorang pelanggan sebanyak RM 320 untuk hutangnya yang telah dihapuskan pada 3 tahun lalu.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Catatan pelarasan ke dalam Jurnal Am (keterangan diabaikan) [4 markah]
- (ii) Akaun Belum Terima, Akaun Hutang Lapuk, Akaun Hutang Lapuk Terpulih dan Akaun Bank. (8 markah)

- 3 (b) Apabila Kedai Kasut Koo telah menyediakan Akaun Perdagangan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 September 2022, terdapat beberapa kesilapan yang baru dikesan:

(i)	Jualan barang niaga RM 3 530 kepada Ana telah direkodkan dalam Akaun Anis.
(ii)	Belanja membaiki kenderaan RM 360 telah didebitkan dalam Akaun Kenderaan.
(iii)	Kos angkutan untuk barang niaga yang dibeli bernilai RM 500 telah dicatat dengan angkutan keluar.
(iv)	Barang niaga yang bernilai RM 240 telah digunakan untuk promosi perniagaan tertinggal rekod.
(v)	Ambilan tunai RM 235 tidak direkodkan dalam mana-mana buku.

Berdasarkan pernyataan di atas, anda dikehendaki membetulkan kesilapan tersebut di dalam Jurnal Am (*keterangan diabaikan*). (10 markah)

- (c) Nyatakan jenis buku catatan pertama yang digunakan untuk setiap urus niaga berikut:
- i) Ambilan barang niaga dan tunai. (2 markah)
 - ii) Membayar hutang pembekal dengan tunai. (2 markah)

Bahagian B
[40 markah]

Jawab dua soalan sahaja.

- 4 (a) Maklumat di bawah menunjukkan rekod perakaunan Kedai Elektrik Lee pada 31 Disember 2022.

	RM
Baki Akaun Belum Terima (1 Januari 2022)	45 600
Jualan	67 800
Penerimaan cek daripada Akaun Belum Terima	6 550
Cek tak laku	250
Pulangan keluar	1 530
Pindahan baki dari Lejar Jualan ke Lejar Belian	550
Diskaun diterima	40

Maklumat Tambahan:

- (i) Hutang lapuk sebanyak RM 340 tidak direkodkan dalam mana-mana buku.
- (ii) Jualan tunai diambil kira sebanyak 60% daripada jumlah jualan yang sedia ada.
- (iii) Terdapat diskaun diberi sebanyak RM 100 perlu dibatalkan kerana cek yang diterima mempunyai butir “Rujuk Penyuruh Bayar.”
- (iv) Peruntukan Hutang Ragu telah diwujudkan 4% terhadap Akaun Belum Terima Bersih.

Berdasarkan situasi di atas, anda dikehendaki menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima bagi perniagaan Kedai Elektrik Lee. (8 markah)

- (b) Berikut merupakan baki Imbangan Duga bagi Perniagaan InterMacro pada 31 Disember 2022.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Alatan pejabat (kos)	5,000	
Susut nilai terkumpul		150

Maklumat Tambahan:

- (i) Polisi susut nilai alatan pejabat yang telah ditetapkan ialah mengikut kaedah garis lurus dengan kadar 3%.
- (ii) Alatan pejabat tersebut dijual semula dengan nilai RM 2 500 pada akhir tempoh perakaunan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Alatan Pejabat (1 markah)
- (ii) Akaun Susut Nilai Terkumpul Alatan Pejabat (2 markah)
- (iii) Akaun Pelupusan Alatan Pejabat (4 markah)
- (iv) Akaun Untung / Rugi atas Pelupusan (2 markah)
- (v) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (petikan). (2 markah)

5 (a) Maklumat di bawah merupakan baki Perniagaan Sima Enterprise pada 31 Mac 2022.

	RM
Premis	34 500
Akaun Belum Bayar	12 530
Inventori	21 420
Alatan pejabat	47 890
Bank	32 550
Akaun Belum Terima	24 780
Modal	?
Untung Bersih	43 550
Tunai	4 150

Urus niaga berikut berlaku pada bulan Mac 2023:

(i)	Seorang pembekal telah menghantar nota kredit bernilai RM 230 kerana tersalah hantar jenama.
(ii)	Sima telah memasukkan tunai sebanyak RM 1 220 ke dalam perniagaan.
(iii)	Cek yang diterima daripada Akaun Belum Terima sebanyak RM 390 tidak diterima oleh pihak bank.
(iv)	Sima telah mengeluarkan barang niaga bernilai RM 145 untuk kegunaan peribadi.
(v)	Membayar gaji pekerja sebanyak RM 460 dengan cek.

Berdasarkan urus niaga di bawah, lengkapkan jadual persamaan yang diberi. (10 markah)

Aset						Liabiliti	Ekuiti Pemilik	
Alatan pejabat	Premis	Inventori	Akaun Belum Terima	Bank	Tunai	Akaun Belum Bayar	Modal	Untung Bersih

(b) Berdasarkan jawapan di (a), sediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada bulan 31 Mac 2022. (Dalam bentuk T) (10 markah)

- 6 (a) Imbangan Duga di bawah diperoleh daripada Perniagaan HZ Bookstore pada 30 November 2022.

Perniagaan HZ Bookstore

Imbangan Duga pada 30 November 2022

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Tunai	3 500	
Bank	16 250	
Alatan Pejabat		13 430
Belian	2 550	
Jualan	4 160	
Pulangan Masuk		2 400
Pulangan Keluar	2 300	
Gaji		4 120
Komisen diterima	350	
Akaun Belum Bayar		2 175
Akaun Belum Terima	4 230	
Sewa dibayar		3 117
Inventori akhir	12 560	
	37 802	25 242

Pemilik mendapati Imbangan Duga yang tidak seimbang kerana mempunyai masalah kesilapan dan ketinggalan butiran. **Anda dikehendaki** untuk menyediakan semula Imbangan Duga tersebut. (9 markah)

- (b) (i) Nyatakan jenis entiti perniagaan yang sesuai berdasarkan nama perniagaan yang diberikan. (5 markah)

Nama perniagaan	Entiti perniagaan
Syarikat Amanah Saham Berhad	
Kedai Runcit Ilham	
Kedai Deko Leong dan Rakan-Rakan	
Koperasi Masjid Kampung Baru	
Syarikat Mengah Holding Sdn Bhd	

- ii) Namakan dokumen sumber yang betul berdasarkan situasi di bawah. (5 markah)

Urus niaga	Dokumen sumber
Adila membuat pembayaran belian dengan menggunakan tunai.	
Pembekal Zamani telah menghantar dokumen ini kerana terkurang caj.	
Kassim membeli barang niaga secara kredit dan menerima dokumen ini.	
Ambilan barang niaga telah dikeluarkan melalui diokumen ini.	
Bank mengeluarkan dokumen ini kerana amaun bank bertambah.	

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

$$\begin{array}{r} 3 \\ 7 \\ 5 \\ 6 \\ \hline 2 \end{array}$$